

Kerajaan kaji naikkan BB1M

» Permohonan dipertimbang jika kewangan negara mengizinkan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

▮ Serdang

Kerajaan akan pertimbangkan cadangan menaikkan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) daripada RM250 sekarang kepada jumlah yang lebih besar jika sumber kewangan negara mengizinkan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata seperti bantuan lain termasuk BR1M yang dinaikkan, permohonan daripada Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan itu akan dibawa dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Beliau berkata demikian pada majlis Ramah Mesra Timbalan Perdana Menteri Bersa-



Muhyiddin menyampaikan Baucar Buku 1Malaysia kepada Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan Sesi 2014/2015, Muhamad Anas Misbahudin (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Idris di Serdang, semalam.

[FOTO GHAZALI KORLI/BH]

ma Mahasiswa di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan, Muhamad Anas Misbahudin.

Subsidi tiket bas, PTPTN

Muhyiddin berkata, dua lagi

cadangan adalah subsidi tiket bas dan isu pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Beliau akan membincangkan dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung subsidi tiket bas dan dengan pemimpin persatuan pelajar mengenai permintaan mengkaji semula kadar pinjaman PTPTN.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengaji-

an Tinggi) 2015-2025 yang menjadi teras ke arah transformasi dan meningkatkan mutu pengajian tinggi negara akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 7 April ini.

Muhyiddin juga berkata, generasi muda hari ini perlu mempunyai daya saing dan penguasaan ilmu yang tinggi bagi melahirkan modal insan lengkap, sekali gus menyumbang kepada sosioekonomi negara.